

Ops Catut: 68 pengusaha kedai gunting di Sabah diberi notis

Published on: Thursday, June 18, 2020

By: Sherell Jeffrey



PEMERIKSAAN dijalankan oleh KPDNHEP di kedai gunting rambut dan salun di seluruh Sabah.

KOTA KINABALU: Notis dikeluarkan kepada 68 penyedia perkhidmatan kedai gunting rambut, pendandan rambut dan salun kecantikan di seluruh negeri untuk memastikan tidak berlaku pencatutan ekoran arahan kerajaan yang membenarkan perkhidmatan itu dibuka semula pada 10 Jun.

"Notis dikeluarkan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna semasa Ops Catut 7.0 bagi mendapatkan maklumat mengenai caj perkhidmatan dan kos yang ditanggung," kata Pengarah KPDNHEP Sabah Georgie Abas, dalam satu kenyataan di sini, pada Rabu.

Katanya, peniaga yang sengaja menaikkan harga atas sebab tidak munasabah dengan niat untuk mengaut keuntungan dan dikesan menerusi Notis Pengesahan Maklumat Barang, akan diberikan Notis Amaran yang mereka mesti segera menurunkan caj perkhidmatan dalam tempoh lima hari bekerja.

Mereka yang gagal mematuhi arahan dalam Notis supaya mengemukakan justifikasi dan penjelasan serta maklumat atau dokumen tertentu dalam waktu dan mengikut kaedah yang ditetapkan akan dikenakan tindakan di bawah Akta Pengawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011 (AKHAP 2011) dan boleh didenda hingga RM500,000," katanya.

Kerajaan membenarkan perkhidmatan gunting rambut, pendandan rambut dan salun kecantikan beroperasi mulai 10 Jun tetapi tertakluk kepada Prosidur Operasi Standard (SOP), seperti penggunaan pelitup muka dan apron oleh pekerja.

Ini juga termasuk penggunaan apron pakai buang untuk setiap pelanggan dan jarak sekurang-kurangnya dua meter antara setiap kerusi tukang gunting.

Pengendali juga diperlukan untuk menyediakan apron pakai buang berbeza untuk setiap pelanggan dan berkongsi tuala tidak dibenarkan. Pelaksanaan Operasi Catut 7.0 dilakukan ke atas perkhidmatan kedai gunting rambut, pendandan rambut dan salun kecantikan melalui pemeriksaan, pemantauan dan penguatkuasaan di semua premis terlibat di seluruh negara dengan fokus kepada ketidakpatuhan terhadap undang-undang yang dikuatkuasakan oleh Kementerian itu.

Antaranya ialah pencatutan haram di bawah Seksyen 14 (1) Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011; penandaan harga di bawah Perintah Kawalan Harga (Penandaan Harga oleh Penjual Runcit) 1993; dan petunjuk atau gambaran harga yang mengelirukan di bawah Seksyen 14 Akta Cap Dagangan 2011 dan Seksyen 12 Akta Perlindungan Pengguna 1999.

"Kementerian ingin mengingatkan harga baharu untuk perkhidmatan gunting rambut baharu perlu selaras dengan kos tambahan yang terpaksa ditanggung pengusaha," kata Abas.

"Contohnya, jika proses menggunting rambut hanya menggunakan pemakaian apron dan sarung tangan pakai buang maka kos barang terlibat boleh dikenakan kepada pelanggan selain dari kos asal perkhidmatan gunting rambut," katanya.

Katanya, selain itu, pengusaha perlu memaparkan senarai harga untuk setiap barang tambahan dan juga caj perkhidmatan menggunting rambut. Dengan senarai harga ini, pengguna boleh memeriksa harga terlebih dahulu dan mengelakkan kekeliruan.

Untuk pengguna, mereka boleh membuat aduan kepada Kementerian itu jika dikenakan caj tidak munasabah oleh pengusaha gunting rambut dan salun rambut, menerusi e-aduan@kpdnhep.gov.my, Call Centre 1800 886 800, e-aduan@kpdnhep.gov.my, aplikasi telefon pintar Ez ADU, Pusat Arahan Penguatkuasaan (ECC) 03-8882 6245 / 6088.

Pengguna juga boleh menghubungi 03-8000 8000 Pusat Panggilan Kerajaan Malaysia (MYGCC), WhatsApp ke 019- 279 4317 atau menghubungi cawangan KPDNHEP Sabah seperti berikut, Kota Kinabalu (088-484368), Sandakan (089-668107), Tawau (089-776690), Tuaran (088-787822), Kudat (088-615311), Keningau (087-338401), Lahad Datu (089-886090), Semporna (089-782866) dan Beaufort (087-222240).

<http://www.dailyexpress.com.my/news/154461/ops-catut-68-pengusaha-kedai-gunting-di-sabah-diberi-notis/>

<http://www.dailyexpress.com.my/news/154508/notices-for-68-barbers-hair-salon-operators/> (Edisi English)